

Pengekalan Gaya Bahasa Melayu dalam Terjemahan Isti'arah Retention of Malay Language Style in the Translation of Isti'arah

Nabilah Halim*
Suhaila Zailani @ Ahmad

Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

*Corresponding Author: nabilahalim94@gmail.com

Received Date: 9 May 2019
Accepted Date: 23 May 2019

Abstract

The style of isti'arah is often translated by most scholars as a metaphor in Malay rhetoric. However, the view of al-Jurjaniy in the book of Asrar al-Balaghah fi 'Ilm al-Bayan which describes isti'arah with the elements of personification creates several questions. Thus, this qualitative study is conducted to examine the elements of the language style maintained in the translation of isti'arah into the Malay language. Besides that, the purpose of this study is to classify the types of isti'arah and to determine the method of translation based on Newmark's approaches. The data collected were analyzed using the textual analysis method on the source text Bint al-Sultan and the translation text Cinta di Lembah Nil. Data was selected using purposive sampling and analyzed descriptively. The result of the study found that the translation of isti'arah tasrihiyyah has metaphorical element and the translation of isti'arah makniyyah has personification and depersonification element. The whole translation of isti'arah tasrihiyyah and isti'arah makniyyah is literally translated and it is a semantic translation according to Newmark.

Keywords: translation, isti'arah, rhetoric, metaphor, personification

Abstrak

Uslub isti'arah sering diterjemahkan oleh kebanyakan sarjana sebagai metafora dalam retorik bahasa Melayu. Namun begitu, pandangan al-Jurjaniy dalam kitab Asrar al-Balaghah fi 'Ilm al-Bayan yang menghuraikan isti'arah dengan unsur-unsur personifikasi menimbulkan beberapa persoalan. Untuk itu, kajian berbentuk kualitatif ini dilakukan bagi meneliti unsur gaya bahasa yang dikekalkan dalam terjemahan isti'arah ke bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengklasifikasikan jenis-jenis isti'arah serta menentukan kaedah penterjemahannya berdasarkan pendekatan Newmark. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah analisis teks

kandungan terhadap teks sumber *Bint al-Sultan* dan teks terjemahan *Cinta di Lembah Nil*. Data dipilih menggunakan persampelan bertujuan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil penelitian mendapati terjemahan *isti'arah* tasrihiyyah mempunyai unsur gaya bahasa metafora manakala terjemahan *isti'arah* makniyyah mempunyai unsur gaya bahasa personifikasi dan depersonifikasi. Keseluruhan terjemahan *isti'arah* tasrihiyyah dan *isti'arah* makniyyah diterjemahkan secara literal dan merupakan terjemahan yang bersifat semantik menurut Newmark.

Kata kunci: terjemahan, *isti'arah*, retorik, metafora, personifikasi

Pendahuluan

Penghasilan karya sastera sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan keindahan gaya bahasanya yang pelbagai. Gaya bahasa inilah yang akan memberikan kesan imaginatif kepada pembaca. Meskipun begitu, untuk mengekalkan kesan imaginatif dalam teks terjemahan yang serupa dan sejadi dengan teks sumber adalah sukar bagi seorang penterjemah. Kemampuan dan kecekapan berbahasa mereka teruji ketika menterjemah sesebuah teks. Penterjemah akan mengalami dilema sama ada untuk mengekalkan bentuk teks sumber dengan mengabaikan mesej, atau mengekalkan mesej dengan mengabaikan bentuk teks sumber. Pengabaian salah satu bentuk daripadanya boleh menghasilkan terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan mahupun terjemahan kosong yang akan memberikan impak yang besar kepada hasil terjemahan yang dilakukan.

Dalam menterjemahkan karya sastera, penterjemahan bahasa kiasan sering diberi perhatian, khususnya gaya bahasa metafora. Menurut Newmark (1981), permasalahan dasar dalam penterjemahan ialah pemilihan metode penterjemahan bagi sesebuah teks, sedangkan masalah khusus yang paling penting dalam penterjemahan ialah penterjemahan metafora. James Dickins (2002) juga berpendapat bahawa metafora boleh membangkitkan kesukaran dalam penterjemahan antara kedua-dua bahasa; bahasa sumber dan bahasa sasaran kerana fokus kedua-dua bahasa tersebut adalah berbeza sama ada dari aspek kebudayaan dan aspek linguistik (Saifulah et al., 2014). Dalam retorik bahasa Arab, metafora sering dirujuk sebagai *isti'arah* oleh kebanyakan sarjana seperti Maheram Ahmad (2008), Mohamad Syukri & Mohammad (2014) dan Saifulah et al. (2015).

Dalam mengetengahkan penterjemahan *isti'arah*, pengkaji tertarik dengan pandangan al-Jurjaniy (2001: 40) sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

فإنك لترى بها الجماد حيًا ناطقًا، والأعجم فصيحًا، والأجسام الخرس مبينة، والمعاني الخفية بادية جليلة.

Terjemahan: Melalui *isti'arah*, kamu akan melihat benda yang tidak beryawa bagaikan hidup bertutur, orang °ajam menjadi fasih, tubuh yang kaku mampu menjelaskan maksud, dan makna-makna yang tersembunyi terserlah dengan terang dan jelas.

Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat difahami bahawa al-Jurjaniy turut memasukkan unsur-unsur personifikasi dalam menghuraikan istilah *isti'arah*. Namun begitu, masih belum terdapat kajian penterjemahan Arab-Melayu yang memfokuskan kepada penterjemahan *isti'arah* ke dalam bahasa Melayu seperti kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji luar Malaysia. Adapun kajian Nazri Atoh (2015) yang mengkaji ungkapan perbandingan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu yang cenderung mengkaji bentuk persamaan dan perbezaan linguistik antara kedua-dua bahasa tersebut. Melihat kepada kelompangan ini, adalah wajar kajian ini dilakukan bagi meneliti unsur gaya bahasa yang dikekalkan dalam terjemahan *isti'arah*. Pengkaji juga akan menentukan kaedah penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah berdasarkan pendekatan Newmark. Melalui pendekatan ini, dua kaedah terjemahan dapat ditentukan, iaitu terjemahan semantik dan terjemahan komunikatif.

Justeru, pelaksanaan kajian penterjemahan Arab-Melayu yang menggunakan korpus kumpulan cerpen *Bint al-Sultan* dan terjemahannya, *Cinta di Lembah Nil* adalah bertujuan mengklasifikasikan jenis-jenis *isti'arah* yang terdapat dalam *Bint al-Sultan*, menganalisis unsur gaya bahasa yang dikekalkan dalam terjemahan *isti'arah* ke dalam bahasa Melayu, serta menentukan kaedah penterjemahannya berdasarkan pendekatan Newmark.

Objektif

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i. Mengklasifikasikan jenis-jenis *isti'arah* yang terdapat dalam *Bint al-Sultan*.
- ii. Menganalisis unsur gaya bahasa yang dikekalkan dalam terjemahan *isti'arah* ke dalam bahasa Melayu.
- iii. Menentukan kaedah penterjemahan *isti'arah* yang digunakan dalam *Cinta di Lembah Nil* berdasarkan teori terjemahan Newmark.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks kandungan berdasarkan korpus kajian Arab-Melayu. Teks sumber yang digunakan ialah sebuah kumpulan cerpen *Bint al-Sultan* dan terjemahannya, *Cinta di Lembah Nil*. Sampel

yang digunakan ialah sampel *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyah*. Sampel-sampel dipilih menggunakan persampelan bertujuan dan dianalisis secara deskriptif.

Isti'arah dan Pembahagiannya

Isti'arah dari sudut bahasa diambil daripada percakapan orang arab iaitu meminjamkan harta jika diminta pinjam (al-Hashimi, 1999: 258). *Isti'arah* menurut istilah pula ialah penggunaan perkataan bukan pada makna asalnya kerana wujudnya hubungan *mushabahah* (saling menyerupai) antara makna pertama; makna asal dengan makna kedua; makna kiasan, disertai dengan *qarinah* (penanda) yang menghalang daripada menggunakan makna pertama tersebut. Terdapat tiga komponen atau rukun yang membentuk *isti'arah*, iaitu:

- i. *Musta'ar minh*, iaitu makna yang dipinjam darinya atau *mushabbah bih*.
- ii. *Musta'ar lah*, iaitu makna yang dipinjamkan kepadanya atau *mushabbah*.
- iii. *Musta'ar*, iaitu lafaz yang dipinjamkan.

Isti'arah pada hakikatnya adalah *tashbih baligh* yang digugurkan salah satu daripada dua rukun utamanya iaitu *mushabbah* atau *mushabbah bih*. Melihat kepada penguguran *mushabbah* atau *mushabbah bih* ini, *isti'arah* dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyah*.

Menurut al-Jarimi dan Mustafa Amin (1999), *isti'arah tasrihiyyah* ialah *isti'arah* yang dinyatakan *mushabbah bihnya*. Al-Maidani (1996) pula mendefinisikan *isti'arah tasrihiyyah* sebagai *isti'arah* yang diperjelaskan dengan lafaz *musta'ar* sendiri. Lafaz *musta'ar* yang dimaksudkan ialah sifat yang dipinjamkan kepada *mushabbah*, atau secara mudahnya dapat diertikan sebagai *musta'ar minh* atau *mushabbah bih*. Oleh demikian, dapat diringkaskan bahawa *isti'arah tasrihiyyah* ialah *isti'arah* yang menyatakan *mushabbah bih* dan menyembunyikan *mushabbah*. Ini dapat dijelaskan berdasarkan surah Ibrahim, ayat 1:

« كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ »

Terjemahan: (Ini adalah) Kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya.

Pada contoh di atas, lafaz majazinya adalah pada perkataan kegelapan (الظلمات) dan cahaya (النور). Kedua-dua perkataan ini tidak boleh dimaksudkan dengan makna

asalnya kerana terdapat qarinah pada (كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ) yang menghalang daripada penggunaan makna asal. Al-Quran bukanlah seperti pemahaman kasar manusia yang bertindak seperti suluhan lampu suluh, pelita mahupun obor api yang mampu mengeluarkan manusia dari kegelapan ke alam yang terang-benderang, tetapi apa yang dimaksudkan oleh Allah dalam firman-Nya ialah kekufuran dan keimanan. Penggunaan makna kiasan ini dibolehkan kerana terdapat hubungan persamaan antara makna asal dengan makna kiasan. Kekufuran disamakan dengan kegelapan kerana sama-sama tidak mempunyai cahaya atau petunjuk, dan keimanan disamakan dengan cahaya kerana sama-sama menerangi kehidupan dengan adanya petunjuk atau hidayah. Pada ayat tersebut Allah SWT menyembunyikan *mushabbah* dan diperjelaskan *mushabbah bihnya*.

Isti'arah makniyyah pula adalah sebaliknya dari *isti'arah tasrihiyyah*. Atiq (1985) dan al-Jarimi dan Mustafa Amin (1999) mendefinisikan *isti'arah makniyyah* sebagai *isti'arah* yang dibuang *mushabbah bih*, dan sebagai isyarat ditetapkan salah satu sifat kelaziman yang terdapat pada *mushabbah bih* yang dibuang. Ini dapat dijelaskan melalui contoh berikut:

إِنِّي لَأَرَى رُؤُوسًا قَدْ أَيَّعَت وَحَانَ قِطَافُهَا وَإِنِّي لَصَاحِبُهَا

Terjemahan: *Sungguh aku melihat kepala-kepala yang telah ranum dan telah sampai waktu petiknya dan akulah pemetiknya.*

Al-Hajjaj dalam pidatonya menyamakan kepala manusia yang akan dipancung dengan buah-buahan yang ranum dan telah sampai tempohnya untuk dipetik. *Mushabbah bih*, iaitu buah-buahan digugurkan dan sebagai isyarat digantikan dengan sifat atau ciri-ciri kelaziman bagi buah, iaitu ranum. Daripada perkataan ranum dan petik, pembaca dapat mengetahui bahawa *mushabbah bih* tersebut ialah buah-buahan kerana pada kelazimannya yang ranum kemudian dipetik itu ialah buah-buahan. Ayat ini jelas menunjukkan bahawa *isti'arah makniyyah* ialah *isti'arah* yang menggugurkan *mushabbah bih* dan sebagai isyarat digantikan dengan suatu sifat yang menjadi kelaziman bagi *mushabbah bih* yang digugurkan.

Terjemahan Isti'arah dalam Karya Sastra

Ilmu Balaghah atau dikenali juga sebagai retorik bahasa Arab terbahagi kepada tiga, iaitu ilmu *al-Ma'ani*, ilmu *al-Bayan* dan ilmu *al-Badi'ah*. *Isti'arah* merupakan salah satu cabang ilmu yang terdapat dalam ilmu *al-Bayan*. Dalam mempelajari ilmu *al-Bayan*, kebanyakan pelajar mengalami kesukaran untuk memahaminya. Oleh yang demikian, ramai pengkaji telah meneliti cabang-cabang dan elemen-elemen yang terdapat di dalam ilmu *al-Bayan* dari pelbagai aspek yang mencakupi bidang kontraditif dan penterjemahan. Rata-rata kajian

kontrastif yang dilakukan bertujuan mempermudah para pelajar dalam memahami ilmu *al-Bayan* dengan sebaik mungkin. Pendekatan kontrastif ini telah diuji oleh Yayan Nurbayan (2010) yang menyediakan nota kontrastif Arab-Indonesia kepada mahasiswa sebagai bahan pengajaran Balaghah. Kajian yang menggunakan kaedah campuran mendapati istilah-istilah Balaghah dengan bahasa Indonesia mempunyai persamaan dari segi penggunaannya, seperti personifikasi diserupakan dengan *isti'arah makniyyah*, metafora dengan *isti'arah tasrihiyyah*, simile dengan *tashbih*, hiperbola dengan *mubalaghah*, alegori dengan *majaz* dan sebagainya.

Pendekatan kontrastif dalam pembelajaran ilmu Balaghah turut disokong oleh Danial Hilmi (2016) dan Muhammad Hafidz (2018). Danial Hilmi (2016) melakukan kajian kontrastif dalam meneliti *majaz* bahasa Arab dengan majas bahasa Indonesia. Majaz dalam bahasa Arab pada dasarnya adalah sama dengan majas dalam bahasa Indonesia kerana kedua-duanya membawa maksud bahasa kiasan. Meskipun begitu, masih terdapat banyak perbezaan antara kedua-duanya. *Majaz* adalah cabang dari ilmu *al-Bayan* manakala majas dalam bahasa Indonesia pula sinonim dengan gaya bahasa. Majas atau gaya bahasa dapat dibahagikan kepada empat, iaitu majas perbandingan, majas penegasan, majas pertentangan, dan majas sindiran. Dalam pembahasan ini, *isti'arah* disepadankan dengan personifikasi dan depersonifikasi yang merupakan sebahagian daripada majas perbandingan.

Lain pula dengan Muhammad Hafidz (2018) yang membataskan kajiannya kepada gaya bahasa *tashbih*, *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyah*. Berdasarkan dapatan kajian, Hafidz bersependapat dengan Yayan (2010), iaitu *tashbih* dipadankan dengan simile, *isti'arah tasrihiyyah* dengan metafora dan *isti'arah makniyyah* dengan personifikasi. Adapun Nazri Atoh et al. (2015) meneliti bentuk ungkapan perbandingan yang terkandung dalam Diwan Abi Tammam dan Syair Siti Zubaidah. Ungkapan perbandingan yang dimaksudkan adalah merujuk kepada penggunaan bahasa kiasan atau gaya bahasa yang terdapat dalam ilmu *al-Bayan*. Kajian ini mendapati ungkapan perbandingan yang digunakan dalam kedua-dua korpus kajian mempunyai persamaan fungsi tetapi istilah yang digunakan adalah berbeza. Sebagai contoh, konsep *tashbih muakkad* dan *tashbih baligh* disamakan dengan metafora, *tashbih mursal* dengan simile, *isti'arah* dengan personifikasi, hiperbola dan metafora implisit serta *kinayah* dengan hiperbola dan metonimi.

Oleh yang demikian, kesemua kajian seperti yang dinyatakan di atas merupakan rujukan penting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian penterjemahan *isti'arah* dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu sekaligus dapat menyumbangkan idea dalam bidang kontrastif Arab-Melayu di Malaysia.

Analisis dan Perbincangan Isti'arah

Makalah ini membincangkan beberapa sampel *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyah* yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Bint al-Sultan* dan terjemahannya, *Cinta di Lembah Nil*.

Contoh Terjemahan Isti'arah Tasrihiyyah

Jadual 1: Data Isti'arah Tasrihiyyah

Bil	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1	إن هذه الحقيبة أصبحت بيّتي.	Beg inilah rumah saya. (Pramugari, 1984:2)
2	أصبحت أحس كلما وصلت إلى ميناء، أني وصلت إلى حافة صحراء.	Setiap kali tiba di pelabuhan terasa diri saya sampai di pinggir gurun pasir. (Pelaut, 1984:9)
3	إنه حيوان.	Dia binatang. (Garis-garis Panjang, 1984:39)

Berdasarkan penerangan sebelum ini, penyebutan *mushabbah bih* secara jelas dalam *isti'arah tasrihiyyah* dapat ditonjolkan dalam sampel-sampel di atas. Penggunaan kata “rumah” dalam sampel 1 adalah kiasan bagi menggambarkan betapa lengkapnya barang-barang yang terdapat di dalam beg dengan sebuah rumah. Barang-barang yang dimaksudkan ialah pakaian tidur, *Robe De Shamber*, sikat rambut dan berus gigi yang mana telah diungkapkan oleh pengarang pada ayat sebelumnya. Namun, kelengkapan harian yang berperanan sebagai *mushabbah* telah disembunyikan dalam ayat ini dan hanya dinyatakan *mushabbah bihnya*, iaitu rumah. Dalam retorik bahasa Melayu, ayat ini dikategorikan sebagai metafora. Menurut Gorys Keraf (1991), metafora adalah semacam analogi yang membandingkan dua hal secara langsung, tetapi dalam bentuk yang singkat tanpa menggunakan kata-kata perbandingan seperti, umpama, bagai, laksana dan sebagainya.

Sama seperti *isti'arah*, metafora juga mempunyai komponen-komponen pembentukannya. Newmark dalam bukunya, *Approaches to Translation* menyebutkan bahawa metafora terdiri daripada tiga bahagian menurut Beekman dan Callow (1974), iaitu (a) topik; benda atau hal yang dibincangkan; (b) imej; sesuatu yang digunakan untuk menghuraikan topik dalam perbandingan; (c) titik persamaan; bahagian yang menunjukkan persamaan topik dan imej. Pernyataan ini boleh dihuraikan dengan penggunaan frasa “gurun pasir” seperti yang terdapat pada sampel 2. Frasa “gurun pasir” digunakan sebagai gambaran kepada pembaca tentang perasaan kesunyian dan kesendirian yang dirasai oleh seorang pelaut akibat tidak memiliki cinta seperti orang lain. Kesepian jiwa diibaratkan seperti gurun pasir yang ketandusan. Analogi ini dapat ditafsirkan sebagai tumbuh-tumbuhan tidak dapat hidup di gurun pasir disebabkan tiadanya hujan, dan begitulah

7

Cite as: Nabilah Halim & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad. (2019). Pengekalan Gaya Bahasa Melayu dalam Terjemahan Isti'arah [Retention of Malay Language Style in the Translation of Isti'arah]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(2), 1-12. Open Acces: <http://ajocs.com>

dengan diri seorang pelaut yang tidak dapat hidup setibanya dia di daratan akibat tiadanya orang tersayang. Melihat kepada pengguguran *mushabbah* (jiwa), ayat ini dapat diklasifikasikan sebagai *isti'arah tasrihiyyah* kerana hanya *mushabbah bih* (gurun pasir) yang dinyatakan.

Pada sampel 3 pula, makna kiasan metafora adalah pada penggunaan kata “binatang” yang merujuk kepada nafsu kebinatangan yang digunakan kepada manusia yang tidak dapat mengawal nafsu syahwatnya secara waras. Di awal penceritaan, pengarang telah menjelaskan watak Jalal yang bersifat liar. Dia mempunyai pelbagai cara dan helah untuk memperdaya gadis-gadis demi memuaskan nafsunya. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan ayat sebelumnya “Dia memandang saya hanya sepotong daging. Dia hanya mahu tubuh saya.” Sebagaimana yang telah dijelaskan, pemberian imej binatang kepada Jalal adalah disebabkan perbuatannya seperti haiwan yang rakus, tamak dan serakah. Ayat ini dikelaskan kepada *isti'arah tasrihiyyah* kerana disebutkan *mushabbah bih* (binatang) dengan jelas dan disembunyikan *mushabbah* (nafsu).

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa *isti'arah tasrihiyyah* dapat dirujuk sebagai metafora kerana kedua-duanya mempunyai persamaan dari segi komponen pembentukannya. Dari sudut penterjemahan pula, kesemua sampel terjemahan dilihat diterjemahkan secara literal kerana bentuknya masih terikat dengan struktur linguistik teks sumber. Menurut Newmark, terjemahan ini merupakan terjemahan semantik kerana penterjemah lebih mementingkan struktur bahasa sumber demi memelihara isi kandungan yang disampaikan oleh pengarang. Meskipun begitu, terjemahan yang terhasil masih sama dan lancar pembacaannya seperti pembacaan teks sumber. Keadaan ini dapat diandaikan sebagai ketiadaan perbezaan yang ketara antara budaya bahasa sumber dengan budaya bahasa sasaran. Oleh itu, pembaca teks sasaran boleh memahaminya dengan baik tanpa sebarang kesamaran.

Contoh Terjemahan Isti'arah Makniyyah

Jadual 2: Data Isti'arah Makniyyah

Bil	Teks Sumber	Teks Terjemahan
1	وكشتر المجتمع عن أنيابه.. بدأ ينهش بألسنته في لحمها.	Masyarakat memperlihat taring giginya. Mulai mencakar daging keduanya dengan giginya. (Cinta, 1984:17)
2	ومرت شهور على الزواج، وبدأ الهدوء يزحف على حياتها.	Setelah beberapa bulan perkahwinan berlalu, kesepian mulai merangkak dalam hidupnya. (Si Cantik, 1984:31)
3	إن النار تلاحقني..	Api itu terus memburu saya. (Garis-garis panjang, 1984:41)

Uslub *isti'arah makniyyah* adalah sebaliknya dari uslub *isti'arah tasrihiyyah*. Jika *isti'arah tasrihiyyah* menyatakan *mushabbah bih*, maka *isti'arah makniyyah* menghilangkan *mushabbah bih*. Tetapi *mushabbah bih* yang dihilangkan itu digantikan dengan salah satu sifat kelazimannya. Sebagai contoh, kata “taring” pada sampel 1 adalah sifat atau ciri-ciri khas bagi binatang buas. Ayat ini jelas menunjukkan *mushabbah bih* (binatang buas) dihilangkan, namun diisyaratkan dengan suatu kelazimannya, iaitu taring. Dalam retorik bahasa Melayu, peminjaman ciri-ciri binatang kepada orang menjadikan ayat ini keterbalikan daripada gaya bahasa personifikasi. Personifikasi ialah meng‘orang‘kan haiwan dan benda-benda yang tidak bernyawa atau abstrak, manakala depersonifikasi adalah sebaliknya.

Gaya bahasa personifikasi yang meng‘orang‘kan atau menginsankan sesuatu yang abstrak dapat diperlihatkan pada sampel 2. Perasaan kesepian digambarkan mempunyai tangan dan kaki untuk merangkak seperti manusia. Sampel ini dikategorikan sebagai *isti'arah makniyyah* kerana dinyatakan *mushabbah* (perasaan kesepian) dan dihilangkan *mushabbah bih* (manusia), namun telah digantikan dengan sifat kelaziman bagi *mushabbah bih* iaitu merangkak.

Selain merangkak, perbuatan memburu juga antara aktiviti yang lazim dilakukan oleh manusia. Perbuatan ini telah diberikan kepada api seperti yang terdapat pada sampel 3. Pengguguran manusia sebagai *mushabbah bih* menjadikan ayat ini *isti'arah makniyyah* dan penggantian suatu sifat yang khas iaitu memburu secara tidak langsung memberikan unsur personifikasi kepadanya.

Pembahasan di atas menjelaskan bahawa *isti'arah makniyyah* dapat dirujuk sebagai personifikasi dan depersonifikasi menurut retorik bahasa Melayu. Personifikasi merupakan suatu corak khusus dari metafora yang mengiaskan benda-benda mati bertindak dan berbicara seperti manusia (Gorys Keraf, 1991: 140). Secara keseluruhannya,

penterjemahan yang dilakukan adalah lancar walaupun dikekalkan bentuk teks sumber dengan terjemahan literal. Penterjemahan sebegini disifatkan sebagai terjemahan semantik menurut Newmark kerana penterjemah mengutamakan bentuk bahasa sumber.

Kesimpulan

Kajian ini telah memperlihatkan terjemahan *isti'arah* ke dalam bahasa Melayu berdasarkan kumpulan cerpen *Bint al-Sultan* dan terjemahannya, *Cinta di Lembah Nil*. Hasil penelitian menunjukkan bahawa *isti'arah tasrihiyyah* dapat diterjemahkan sebagai metafora manakala *isti'arah makniyyah* diterjemahkan sebagai personifikasi dan depersonifikasi.

Melalui penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati *isti'arah* digeneralisasikan sebagai metafora disebabkan kedua-duanya memiliki persamaan fungsi, iaitu membandingkan dua hal tanpa menggunakan kata-kata perbandingan seperti, laksana, umpama dan sebagainya. Selain fungsinya yang sama, komponen-komponen yang membentuk *isti'arah* dan metafora juga dilihat mempunyai persamaan. Ringkasan persamaan tersebut dapat dijelaskan seperti jadual dibawah:

Jadual 3: Persamaan bentuk *isti'arah* dan metafora

Isti'arah	Metafora
Musta'ar lah (mushabbah)	Topik
Musta'ar minh (mushabbah bih)	Imej
Musta'ar (sifat yang dipinjamkan)	Titik persamaan

Penggeneralisasian *isti'arah* sebagai metafora sememangnya tepat kerana personifikasi juga merupakan sebahagian daripada metafora. Walau bagaimanapun, penggeneralisasian ini dilihat kurang sesuai untuk digunakan dalam konteks pelajar, terutamanya pelajar yang masih di peringkat permulaan. Penggunaan *isti'arah* yang memiliki beberapa gaya bahasa yang dapat dipadankan dalam retorik bahasa Melayu boleh menimbulkan kekeliruan kepada pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini disebabkan tahap pendedahan pelajar tentang ilmu metafora masih di tahap yang asas. Malahan, silibus Komponen Sastera (KOMSAS) di peringkat sekolah telah mengasingkan gaya bahasa personifikasi daripada metafora. Pengasingan ini menyebabkan pelajar beranggapan bahawa personifikasi dan metafora adalah dua jenis gaya bahasa yang berbeza, walhal personifikasi adalah sub-topik bagi metafora. Dengan itu, pendekatan kontrasitif sebagai inisiatif memudahkan pelajar memahami konsep *isti'arah* dilihat memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran ilmu Balaghah.

Secara keseluruhan, penterjemah Nahmar Jamil didapati lebih selesa menggunakan terjemahan semantik seperti yang dibincangkan. Pengkaji beranggapan penggunaan ayat yang pendek dan sarat dengan mesej sesuai dengan genre cerpen

adalah antara punca penterjemah terikat dengan bentuk dan struktur teks sumber. Pada pandangan pengkaji, terjemahan semantik yang diterapkan oleh penterjemah adalah satu usaha yang murni dan baik dalam menyebarkan budaya asing yang secara tidak langsung dapat menambahkan lagi pengetahuan kepada pembaca sasaran.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran Universiti Penyelidikan (kod projek: GUP-2015-016). Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Atiq, °Abd al-Aziz. 1985. *Ilmu al-Bayan*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Daniel Hilmi. 2017. Analisis Kontrastif Majaz Bahasa Arab-Indonesia Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Ilmu Bayan. *Al-Lubab Jurnal Penelitian Pendidikan dan Keagamaan Islam*, 3(2): 1-55.
- Gorys Keraf. 1991. *Diksi dan Gaya Bahasa: Komposisi Lanjutan 1*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. 1999. *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma°ani wa al-Bayan wa al-Badi°*. Yusuf al-Sumayli (pnyt.). Beirut: Al-Maktabah al-°Asriyyah.
- Ihsan °Abd al-Quddus. 1984. *Cinta di Lembah Nil: Kumpulan Cerpen Mesir*. Terj. Nahmar Jamil. Selangor: Media Intelek.
- Ihsan °Abd al-Quddus. 2012. *Bint al-Sultan*. Riyadh: Dar Akhbar al-Yaum.
- al-Jarimi, Ali dan Mustafa Amin. 1999. *Al-Balaghah al-Wadihah: al-Bayan wa al-Ma°ani wa al-Badi° lil Madaris al-Thanauiyah*. Kaheerah: Dar al-Ma°arif.
- al-Jurjaniy, °Abd al-Qahir. 2001. *Asrar al-Balaghah fi °Ilm al-Bayan*. °Abd al-Hamid Hindawiy (pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- al-Maidani, °Abd al-Rahman Hasan. 1996. *Al-Balaghah al-Arabiyyah Ususuha wa °Ulumuha wa Fununuha*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Mohamad Hussin, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. Analisis Penggunaan Isti°arah: Kajian Terhadap Beberapa Hadith Amthal Rasulullah S.A.W. *Issues in Language Studies*, 5(1): 27-43.
- Mohamad Syukri Abd Rahman & Mohammad Seman. 2014. Metafora al-Isti°arah Dalam Hadis Rasulullah S.A.W: Tumpuan Terhadap Hadis-Hadis Kitab Riyad al-Salihin. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berimpak*, 7(1): 7-33.
- Muhammad Hafidz. (2018). Memahami Balaghah Dengan Mudah. *TA°LIMUNA*, 72: 129-145.

- Nazri Atoh, Zamri Arifin & Zubir Idris. (2015). Analisis Ungkapan Perbandingan Dalam Diwan Abi Tammam Dan Syair Siti Zubaidah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6(1): 118-136.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Muhd Zulkifli Ismail. (2014). Terjemahan Metafora dalam Hadis Rasulullah S.A.W: Analisis Aspek Budaya. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, hlm. 600-610, Kuala Lumpur.
- Saifulah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Muhd Zulkifli Ismail. (2015). Peranan Kitab Shuruh Al-Hadis Dalam Penterjemahan Metafora Fokus Kepada Kitab Dalil Al-Falihin. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit*, 9(1): 7-20.
- Yayan Nurbayan. (2010). Pengembangan Materi Ajar Balaghah Berbasis Pendekatan Kontrastif. *Jurnal Bahasa dan Seni*, 38(1): 107-116.